



SMK SERI MEDAN
BATU PAHAT, JOHOR



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

PERNIAGAAN

3766/1

Kertas 1

November

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1. Apakah tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat?
 - A Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - B Mewujudkan peluang pekerjaan
 - C Menambahkan pendapatan negara
 - D Membantu masyarakat setempat
2. Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu bentuk perniagaan.

- Sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela
- Matlamat penubuhan adalah untuk melindungi kepentingan anggotanya.
- Ditubuhkan dengan konsep “milikan bersama”

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Milikan Tunggal
 - B Syarikat Berhad
 - C Perkongsian
 - D Koperasi
3. Gambar 1 menunjukkan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah kelebihan perniagaan tersebut?

- I Liabiliti terhad
 - II Tiada kerahsiaan
 - III Beban cukai rendah
 - IV Menikmati ekonomi bidangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4. Gambar 2 menunjukkan satu aktiviti dalam sektor perniagaan.



Gambar 2

Apakah sektor tersebut?

- A Sektor Primer
 - B Sektor Tertier
 - C Sektor Sekunder
 - D Sektor Domestik
5. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kerepek Raja Rangup.

Perniagaan Kerepek Raja Rangup dimiliki oleh seorang pengusaha kilang kerepek di Parit Raja, Batu Pahat iaitu Encik Amir. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek seperti kerepek pisang dan kerepek ubi yang diedarkan melalui para pemborong di seluruh Malaysia. Beliau menggaji seramai 80 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada puratanya jasil jualan tahunan adalah sebanyak RM 15 juta.

Saiz dan sakala perniagaan Kerepek Raja Rangup ialah

	Saiz	Skala
A	kecil	Tempatan
B	sederhana	Kebangsaan
C	sederhana	Negeri
D	besar	Kebangsaan

6. Gambar 3 berkaitan dengan saiz perniagaan



Antara yang berikut, ciri-ciri yang manakah menerangkan perniagaan di atas?

- I. Berskala tempatan
- II. Saiz perniagaan yang kecil
- III. Memerlukan modal yang banyak
- IV. Mempunyai bilangan pekerja seramai 75 hingga kurang daripada 200 orang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Maklumat berikut menunjukkan suatu peranan kerajaan di Malaysia

- merupakan pelaksana dasar pada peringkat akar umbi.
- bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesebuah kawasan yang terlibat.

Pernyataan di atas merujuk kepada peranan

- A kerajaan pusat
- B kerajaan negeri
- C kerajaan tempatan
- D pihak berkuasa tempatan

8. Antara berikut yang manakah merupakan faktor luaran yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan ?

- A. Pemasaran
- B. Pengeluaran
- C. Sumber manusia
- D. Politik dan Perundangan

9. Maklumat berikut merupakan kesan keadaan ekonomi.

- Aktiviti perniagaan terbantut
- Penduduk kehilangan pekerjaan
- Kuasa beli penduduk menurun

Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan keadaan tersebut?

- I Menggalakkan orang ramai berbelanja lebih wang
- II Mengurangkan kadar cukai supaya dapat meningkatkan pendapatan boleh guna
- III Meningkatkan kadar faedah supaya menggalakkan masyarakat menyimpan wang
- IV Memberikan khidmat dan perundangan agar dapat mendidik pengguna

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

10. Bagaimanakah pihak Bank Negara Malaysia mengatasi masalah inflasi?

- A Menambah pengeluaran mata wang negara
- B Meningkatkan kadar faedah pinjaman kewangan
- C Mengurangkan kadar faedah simpanan di bank
- D Menggalakkan pengeluaran produk secara besar-besaran

11. Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

Encik Farizuan telah membuka sebuah perniagaan menjual makanan tradisional Melayu seperti nasi lemak istimewa, lontong dan kuih muih. Beliau mempunyai beberapa pekerja yang sangat rajin, mahir dalam pengurusan serta kreatif mempersembahkan hidangan. Citarasa rakyat Malaysia yang sememangnya gemar akan makanan tradisional Melayu turut menyumbang kepada perkembangan baik perniagaannya.

Apakah trend persekitaran yang berlaku bagi situasi tersebut?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A.	Pemasaran	Sosiobudaya
B.	Pengurusan	Ekonomi
C.	Sumber manusia	Sosiobudaya
D.	Sumber manusia	Undang-undang

12. Apakah yang dimaksudkan dengan objektif perniagaan?

- A Perancangan yang ingin dicapai dalam jangka panjang
- B Panduan untuk mencapai keputusan untuk menentukan hala tuju perniagaan
- C Pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan serta matlamat utama sesebuah perniagaan.
- D Pembentukan maklumat yang lebih khusus bagi membantu mencapai tujuan organisasi.

13. Pernyataan di bawah berkaitan dengan objektif sebuah restoran nasi beriani.

Restoran Nasi Beriani Lazat ingin meningkatkan keuntungan sebanyak 15% dalam masa enam bulan.

Apakah ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif Nasi Beriani Lazat?

- A. Boleh diukur
- B. Munasabah
- C. Boleh dicapai
- D. Boleh dilihat

14. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Alya.

Puan Alya telah menubuhkan perniagaan kraf tangan eksklusif di Ayer Hitam, Johor pada 1 Mac 2020.

Apakah visi yang sesuai bagi perniagaan Puan Alya?

- A Ingin mencapai sasaran jualan sebanyak 70 unit bakul rotan sebulan
- B Ingin melahirkan pekerja yang mahir dan cekap membuat bakul rotan
- C Untuk menjadi sebuah perniagaan kraf tangan pilihan pelanggan dan dicontohi.
- D Untuk menjadi perniagaan berjaya menghasilkan pengeluaran sebanyak 100 unit sebulan.

15. Antara berikut manakah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.

Antara berikut manakah faktor yang merupakan kriteria

- I Syer Pasaran
- II Titik Pulang Modal
- III Analisis Kekuatan Syarikat
- IV Kapasiti operasi perniagaan sedia ada

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

16. Maklumat berikut berkaitan visi, misi dan objektif sebuah syarikat pada tahun 2020.

Visi	Misi	Objektif
Mengekalkan reputasi sebagai perniagaan yang berjaya di Malaysia	Berusaha dalam penambahbaikan kualiti produk.	Mencapai jualan sebanyak RM10 000 sebulan
Oleh kerana pandemik covid-19 berlarutan hingga tahun 2021 syarikat tidak dapat mencapai sasaran jualan seperti yang dijangkakan. Pengurus atasan perlu mengubah visi, misi dan objektif syarikat.		

Antara berikut manakah faktor yang terlibat untuk membuat perubahan tersebut?

- A. Kewangan dan gaya pengurusan
- B. Ekonomi dan undang-undang
- C. Teknologi dan Pemasaran
- D. Politik dan Sumber manusia

17. Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu bahagian fungsian dalam organisasi.

- Menyediakan dokumen syarikat
- Menguruskan, menyimpan dan menerima rekod
- Mengendalikan mesyuarat syarikat

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A. Kewangan
- B. Pentadbiran
- C. Sumber manusia
- D. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

18. Maklumat berikut menunjukkan suatu bahagian fungsian antara Syarikat Citra Sdn. Bhd. dan Syarikat Diva Sdn. Bhd.

Syarikat Citra Sdn. Bhd	Syarikat Diva Sdn. Bhd
• Meningkatkan permintaan produk • Mengenal pasti sasaran pasaran	• Menganalisis laporan kewangan • Memeriksa bajet tiap jabatan

Apakah bahagian fungsian kedua-dua syarikat tersebut?

	Syarikat Citra Sdn. Bhd.	Syarikat Diva Sdn. Bhd.
A	Pentadbiran	Pengurusan
B	Kewangan	Pentadbiran
C	Pemasaran	Perancangan Sumber Manusia
D	Pemasaran	Kewangan

19. Gambar 4 berkaitan aplikasi teknologi maklumat.



Gambar 4

Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat dapat mengintegrasikan bahagian-bahagian fungsian?

- A. Maklumat dapat disampaikan dengan tepat
- B. Mengurangkan gangguan dalam komunikasi
- C. Meningkatkan komunikasi pekerja dan majikan
- D. Maklumat perniagaan dapat dihantar dengan mudah dan cepat.

20. Maklumat berikut merujuk kepada sebuah interaksi dalam perniagaan.

Encik Wazif Pengusaha kilang perabot yang membayar menggunakan cek untuk kayu getah yang dibeli.	Encik Aqil Menghantar stok kayu getah ke kilang perabot Encik Wazif pada setiap hari Selasa.
---	---

Apakah peranan Encik Aqil dalam interaksi ini?

- A. Pemborong
- B. Pembekal
- C. Peruncit
- D. Ejen

21. Pernyataan manakah yang tepat tentang pengurusan sumber manusia?
- A. Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
 - B. Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
 - C. Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka panjang organisasi
 - D. Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi

22. Berikut ialah perbualan Pengurus Sumber Manusia bersama penyeliaanya.



Mestilah Tuan, setiap pagi semua penyelia cawangan wajib memberi taklimat tentang keadaan dan peraturan serta langkah-langkah keselamatan semasa menghadapi situasi

Syarikat kita ni menyediakan perkhidmatan keselamatan di seluruh negara. Pekerja kita ramai ni...1 500 orang. Pastikan keselamatan pekerja kita juga diutamakan

Apakah aspek yang dimaksudkan oleh penyelia cawangan tersebut.

- A. Struktur organisasi
 - B. Penempatan pekerja
 - C. Penyelesaian masalah
 - D. Standard prosedur operasi
23. Apakah tujuan mengurus sumber teknologi?
- A. Dapat menjimatkan kos penyelenggaraan harta intelek
 - B. Dapat mencapai keuntungan dalam jangka masa pendek
 - C. Dapat memudahkan sumber fizikal dan sumber teknologi
 - D. Mengelakkan syarikat daripada ancaman cetak rompak dan peniruan

24. Maklumat berikut berkaitan dengan keperluan kemahiran kebolehkerjaan untuk melaksanakan kerja dengan cekap.

Encik Wong berumur 46 tahun dan bertugas sebagai jurujual kereta dengan Syarikat XYZ Motors Sdn. Bhd. Sebelum ini, beliau pernah bekerja sebagai juruteknik menguji kereta di kilang pengeluaran kereta selama 20 tahun setelah menamatkan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang kejuruteraan mekanikal.




Kereta ni
dapat
menjimatkan
kos minyak.

Apakah keperluan kemahiran kebolehdikijayaan berkenaan?

- I. Berpengalaman
- II. Berpengetahuan tentang produk
- III. Kelayakan yang sesuai dengan pekerjaan
- IV. Keberkesanan mencapai sasaran individu dan pasukan

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

25. Rajah 1 menunjukkan prosedur mengurus sumber teknologi.



Rajah 1

Apakah prosedur yang betul bagi Q.

- A. Hak cipta terpelihara
B. Penyelenggaraan
C. Keselamatan
D. Insurans

26. Antara berikut, manakah prosedur mengurus sumber fizikal sebuah kilang kasut?

- I. Menghasilkan pelbagai kasut berkualiti untuk pasaran
- II. Membeli teknologi baru untuk meningkatkan kualiti kasut
- III. Menyelenggara mesin untuk lancar operasi keluaran
- IV. Mengambil insurans untuk melindungi perniagaan

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

27. Apakah sumber fizikal perniagaan yang sesuai menggunakan kaedah sewa beli?

- A. Bangunan B. Produk siap C. Stok D. Bahan Mentah


28. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Jamaliah.

Puan Jamaliah merupakan seorang pengusaha butik pakaian. Beliau bercadang untuk membuka sebuah cawangan baru dengan cara membuat pinjaman modal awal dari pihak bank

Apakah kekuatan jenis pembiayaan luaran pilihan beliau?

- A. Tidak dikenakan faedah pinjaman
- B. Bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan
- C. Tempoh masa yang segera dan ringkas
- D. Pinjaman tidak memerlukan cagaran

29. Rajah 2 berkaitan dengan prosedur am bagi mendapatkan sumber pembiayaan bagi Puan Lim iaitu pemilik sebuah salun kecantikan.



Rajah 2

Apakah X?

- A. Menerima surat pemberitahuan
- B. Mematuhi syarat yang ditetapkan
- C. Mengetahui had pembiayaan pinjaman
- D. Meyakinkan pihak pembiaya

30. Manakah merupakan aset semasa bagi sesebuah perniagaan?

- A. Kenderaan B. Bangunan C. Inventori D. Kelengkapan

31. Maklumat berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan.

- Memberi ganjaran
- Panduan untuk agihkan sumber

Manakah pihak yang terlibat?

- A. Pemegang saham C. Pembekal
B. Pihak pengurusan D. Pembiaya

32. Mengapakan Titik Pulang Modal (TPM) penting kepada sesebuah perniagaan?

- A. Menunjukkan kuantiti pengeluaran tidak memberi sebarang untung atau rugi
B. Menunjukkan kedudukan ekuiti pemilik sesebuah perniagaan
C. Menunjukkan tahap maksimum jualan yang diperolehi
D. Menunjukkan jumlah hasil melebihi jumlah kos perniagaan

33. Maklumat berkaitan dengan analisis penyata kewangan

Encik Siva merupakan pemilik kedai gunting rambut. Beliau telah menguruskan Kunci Kira-kira perniagaan dengan cekap.

Apakah kegunaan Kunci Kira-kira kepada beliau?

- A. Merancang strategi tingkatan keuntungan
B. Meramal prestasi perniagaan masa hadapan
C. Mengetahui kedudukan kewangan
D. Mengetahui komponen ekuiti pemilik

34. Maklumat berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Puan Suraya mengusahakan perniagaan menjual pelbagai jenis kek. Baru-baru ini, beliau berjaya menghasilkan beberapa jenis kek baru dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelanggan.

Apakah ciri usahawan beliau?

- A. Berani mengambil risiko
B. Kreatif dan inovatif
C. Yakin diri dan Optimistik
D. Pandai mengambil peluang

35. Maklumat berkaitan dengan Encik Hakem.

Encik Hakem merupakan pengusaha menjual alat ganti kenderaan. Beliau telah menggajikan 10 orang pekerja untuk melancarkan oerasi perniagaan beliau.

Apakah kelebihan beliau kepada masyarakat?

- A. Memenuhi keperluan dan kehendak
- B. Memberikan pelbagai produk
- C. Membuka peluang pekerjaan
- D. Mengurangkan kadar jenayah

36. Manakah yang menerangkan tentang Akta Syarikat 2016?

- A. Pemegang syer dan bilangan pengarah sekurang-kurangnya seorang
- B. Memberi perlindungan liabiliti terhad dan peraturan perkongsian yang fleksibel
- C. Fleksibel untuk usahawan dan pelabur memilih model perniagaan terbaik
- D. Mewajibkan pendaftaran aktiviti perniagaan bertujuan mendapat keuntungan

37. Maklumat berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan

- Pemilik mengambil barangan niaga untuk kegunaan peribadi
- Mengurangkan modal pemilik

Apakah dokumen tersebut?

- A. Invois B. Memo C. Bil tunai D. Ambilan

38. Apakah persamaan antara pemasaran dan jualan?

- A. Berlaku pertukaran hak milik sesuatu produk
- B. Mengagihkan produk dari pengeluar ke pengguna
- C. Menjana keuntungan sesebuah perniagaan
- D. Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan

39. Manakah berkaitan dengan rancangan perniagaan?

- A. Membandingkan prestasi perniagaan sebelum dan selepas beroperasi dalam pasaran
- B. Maklumat perniagaan yang menerangkan maklumat perniagaan secara terperinci
- C. Penerangan tentang visi, misi dan objektif perniagaan dengan jelas
- D. Pelan induk perniagaan yang akan dijalankan

40. Apakah kepentingan menyediakan rancangan perniagaan?

- A. Merancang keperluan sumber perniagaan
- B. Memajukan perniagaan yang dirancang
- C. Memastikan perniagaan dapat bersaing
- D. Menunjukkan perolehan hasil kajian perniagaan

SOALAN TAMAT

